

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA
ANNUAR BIN MUSA
KAWASAN : KETEREH
TARIKH : 13 NOVEMBER 2014, KHAMIS

SOALAN:

YB. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANNUAR BIN MUSA (KETEREH) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan tempoh dan fasa-fasa pembinaan Lebuhraya Kota Bharu - Kuala Krai yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan dan berapakah anggaran kos keseluruhan projek berkenaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, skop projek Jalan Kota Bharu – Kuala Krai melibatkan cadangan membina jalan baru 4 lorong 2 hala sepanjang 73.5km dengan reka bentuk piawaian JKR R5.

Anggaran kos keseluruhan projek ini ialah sebanyak RM2.16 billion. Berikutan kos projek yang tinggi itu, Kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan projek ini secara berfasa, iaitu bersambung ke RMKe-11. Berdasarkan perancangan JKR, pelaksanaan projek Jalan Kota Bharu – Kuala Krai ini telah dibahagikan kepada 3 pakej seperti berikut, iaitu Pakej 1: Wakaf Siku ke Kadok (12.5km); Pakej 2: Kadok ke Bukit Tiu (28.5km); dan Pakej 3: Bukit Tiu ke Dusun Damar (32.5km).

Pada masa ini, pakej untuk fasa-fasa yang telah ditender dan akan dilaksanakan terlebih dahulu ialah melibatkan Fasa 1 (Pakej 1B) dari Pasir Hor ke Kadok (7km) dan Fasa 2 (Pakej 2A) dari Kadok ke Ketereh (6.85km). Manakala untuk pakej bagi fasa-fasa lain dijangka akan dilaksanakan dalam RMKe-11 tertakluk kepada kelulusan peruntukan daripada Agensi Pusat.

Sekian. Terima kasih.